

## **PILIHAN RAYA KECIL (PRK) RANTAU 2019: ISYARAT PERALIHAN SOKONGAN RAKYAT KEPADA BN?**

*(Rantau by-election 2019: Signal of shift in people's support to BN?)*

Suresh Kumar N Vellymalay

### **ABSTRAK**

Artikel ini bertujuan membincangkan Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) di Rantau, Negeri Sembilan yang diadakan pada 13 April 2019. Pilihan Raya Kecil Rantau menyaksikan kemenangan calon Barisan Nasional (BN) mengalahkan calon Pakatan Harapan (PH) dengan undi majoriti yang besar. Sehubungan itu, artikel ini menjelaskan beberapa faktor yang telah memangkin kemenangan BN di Rantau; antaranya adalah kredibiliti calon, sentimen Melayu-Islam, sokongan pengundi bukan Melayu, janji-janji Manifesto PH PRU 14 dan sokongan pengundi muda. Selain itu, artikel ini juga membincangkan beberapa faktor yang menjadi kekangan kepada PH untuk merampas kerusi DUN dalam PRK Rantau seperti kekecewaan rakyat terhadap PH, kerjasama UMNO-PAS, sentimen Melayu-Islam oleh UMNO, budaya politik berkempen, kerjasama dalam kalangan parti komponen PH dan kebebasan media.

**Kata kunci:** pilihan raya kecil, pengundi, kerusi Parlimen, Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH)

### **ABSTRACT**

This article discusses the by-election for Negeri Sembilan State Legislative Assembly seat of Rantau which was held on 13 April 2019. Rantau by-election was won by BN Candidate defeating PH candidate with a big majority. Thus, the article explains several factors that have prompted the victory of BN at Rantau, such as the credibility of candidate, Malay-Islam sentiment, non-Malay support, PH's GE14 manifesto promises and the young voters' support. Apart from that, the article also discusses some of the factors that prevented PH from winning the state seat of Rantau such as people's frustrations on PH, UMNO-PAS cooperation, Malay-Islam sentiment by UMNO, political campaigning culture, cooperation within the PH coalition component parties and the freedom of the media.

**Keywords:** by-election, voters, State Legislative Assembly seat, Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH)

### **PENGENALAN**

Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Rantau, Negeri Sembilan pada 13 April 2019 merupakan pilihan PRK yang ketujuh diadakan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14) pada 9 Mei 2018. PRK kali ini telah menyaksikan kemenangan Barisan Nasional (BN) dengan menewaskan Pakatan Harapan (PH) dengan undi majoriti yang besar.

Kemenangan BN kali ini menandakan kemenangan ketiga dalam PRK secara berturut-turut. Daripada tujuh PRK yang diadakan iaitu di DUN Sungai Kandis (4 Ogos 2018), DUN Balakong (8 September 2018), Parlimen Port Dickson (13 Oktober 2018), Parlimen Cameron Highlands (26 Januari 2019), DUN Semenyih (2 Mac 2019) dan Rantau (13 April 2019) PH memenangi empat PRK manakala BN pula memenangi tiga PRK. BN telah menguasai kerusi Parlimen Cameron Highlands, kerusi DUN Semenyih dan kerusi DUN Rantau kali ini.

Kemenangan BN di Rantau dan kejayaan dalam tiga PRK berturut-turut telah mengundang pelbagai reaksi daripada masyarakat. Kemenangan ini turut membangkitkan pandangan bahawa rakyat telah memberi sokongan kepada BN dan, PH pula semakin tidak relevan (Afiq Mohd Shah, 2019). Walaupun kenyataan ini bersifat hipotetikal dan tidak dapat digeneralisasikan sepenuhnya kepada seluruh rakyat Malaysia namun sokongan penduduk di kawasan-kawasan PRK ini kepada BN tidak dapat disangkal dan tidak harus diambil mudah. Sokongan ini memberi isyarat kepada BN untuk terus mengukuhkan partinya di samping meraih sokongan parti bukan komponen PH untuk berpayung di bawah BN bagi menumpaskan PH. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor yang mendorong kemenangan BN di Rantau, Negeri Sembilan selain faktor-faktor yang menjadi kekangan kepada PH untuk merampas kerusi DUN dalam PRK Rantau.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah analisis kandungan daripada pelbagai sumber media massa seperti buku, jurnal dan khususnya akhbar digunakan untuk memperoleh maklumat berkaitan kajian ini. Data berkaitan keputusan PRU 11 hingga PRU 14 bagi kerusi DUN Rantau dan keputusan PRK bagi DUN Rantau pada tahun 2019 diperoleh daripada sumber rujukan laporan rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

## **ANALISIS KEPUTUSAN PRU DUN RANTAU (PRU 11-PRU 14)**

Jadual 1 menunjukkan keputusan PRU 11 hingga PRU 14 bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Rantau. Berdasarkan jadual 1 didapati bahawa pada tahun 2004, calon BN Mohamad Hasan telah menewaskan Calon PKR Badrul Hisham Shaharin dalam PRU 11 dengan undi majoriti sebanyak 6199. BN berjaya mendapat 8 031 undi berbanding PKR iaitu sebanyak 1 832 undi sahaja. PRU 12 pada tahun 2008 pula menyaksikan pertembungan antara Mohamad Hassan (BN) dan calon wanita Aisah Lamsah (PKR). Calon BN iaitu Mohamad Hassan menewaskan Aisah Lamsah dengan 3 783 undi majoriti. Dalam pertembungan ini, BN memperoleh sebanyak 7 739 undi manakala PKR pula memperoleh 3 956 undi. Jumlah undi bagi BN menurun dalam pilihan raya ini berbanding sebelumnya dengan peningkatan sokongan pengundi kepada pembangkang ketika itu.

Jadual 1: Keputusan PRU 11 hingga PRU 14 bagi DUN Rantau

| <b>PRU</b> | <b>Tahun</b> | <b>Calon</b>                                | <b>Parti bertanding</b> | <b>Bilangan Undi</b> | <b>Menang</b> | <b>Undi Majoriti</b> |
|------------|--------------|---------------------------------------------|-------------------------|----------------------|---------------|----------------------|
| 11         | 2004         | Mohamad Hasan<br>Badrul Hisham Bin Shaharin | BN<br>PKR               | 8 031<br>1 832       | BN            | 6 199                |
| 12         | 2008         | Mohamad Hasan<br>Aisah Binti Lamsah         | BN<br>PKR               | 7 739<br>3 956       | BN            | 3 783                |

|    |      |                                     |           |                 |    |       |
|----|------|-------------------------------------|-----------|-----------------|----|-------|
| 13 | 2013 | Mohamad Hasan<br>Aisah Binti Lamsah | BN<br>PKR | 10 126<br>5 513 | BN | 4 613 |
| 14 | 2018 | Mohamad Hasan                       | BN        | MTB             | BN |       |

\*MTB – Menang Tanpa Bertanding

(Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2004; 2008; 2013; 2018)

Dua calon ini bertemu semula dalam PRU 13 yang menyaksikan sekali lagi kemenangan Mohamad Hassan (BN) dengan bilangan undi sebanyak 10 126 berbanding Aisah Lamsah (PKR) sebanyak 5 513 undi dengan undi majoriti sebanyak 4 613. PRU 13 memperlihatkan pertambahan jumlah pengundi dan pada masa yang sama menunjukkan peningkatan sokongan kepada kedua-dua calon berbanding PRU 12. Dalam PRU 14 baru-baru ini, Mohamad Hassan (BN) telah menang tanpa bertanding apabila calon lawannya Streram Sinnasamy tidak dibenarkan untuk memasuki pusat penamaan calon pada hari penamaan calon iaitu 28 April 2018 akibat kegagalan untuk mempamerkan pas calon (Khairil Ashraf, 2018; Rahimah Abdullah, 2018).

Keputusan PRU 11 hingga PRU 14 bagi DUN Rantau amat jelas menunjukkan bahawa Rantau merupakan kubu kuat bagi BN. Selain itu, Mohamad Hassan yang bertanding sejak tahun 2004 turut memperlihatkan kepercayaan yang tinggi dalam kalangan pengundi Rantau. Walaupun undi majoriti yang diraih oleh Mohamad Hassan menurun dalam PRU 12 namun dalam PRU 13, Mohamad Hassan berjaya menambahkan bilangan undi majoriti sekaligus meningkatkan tahap kepercayaan pengundi Rantau kepada BN.

### **MENELUSURI PILIHAN RAYA KECIL (PRK) BAGI DUN RANTAU 2019.**

Susulan daripada kemenangan tanpa bertanding calon BN Mohamad Hassan pada 28 April 2018 bagi PRU 14 maka Streram Sinnasamy memfailkan petisyen bagi mencabar keputusan PRU 14 pada 23 Mei 2018 (Mohd Anwar Patho Rohman, Tuty Haryanti Ahmad Rodzi & Luqman Ariff Abdul Karim, 2019; Shuhada Abdul Kadir, 2018). Petisyen ini bertujuan untuk memperoleh perintah daripada mahkamah agar PRK dapat diadakan dengan alasan integriti kerja penamaan calon pada hari penamaan calon tidak berdasarkan undang-undang (Raja Noraina Raja Rahim, 2018).

Sehubungan itu, pada 16 November 2018 Mahkamah Tinggi Seremban telah memutuskan bahawa kemenangan tanpa bertanding oleh Mohamad Hassan adalah tidak sah dan terbatal (Hafiz Yatim, 2018). Usaha Mohamad Hassan memfailkan petisyen ke Mahkamah Persekutuan untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi Seremban turut ditolak oleh mahkamah tersebut (Mohd Anwar Patho Rohman, Tuty Haryanti Ahmad Rodzi & Luqman Ariff Abdul Karim, 2019). Oleh itu, selaras dengan keputusan Mahkamah Tinggi Seremban untuk PRK diadakan serta-merta maka PRK bagi kerusi DUN Rantau diadakan pada 13 April 2019.

Jadual 2: Keputusan PRK bagi kerusi DUN Rantau, 2019

| <b>Calon</b>      | <b>Parti bertanding</b> | <b>Bilangan Undi</b> | <b>Menang</b> | <b>Undi majoriti</b> |
|-------------------|-------------------------|----------------------|---------------|----------------------|
| Mohamad Hasan     | BN                      | 10 397               | BN            | 4 510                |
| Streram Sinnasamy | PH                      | 5 887                |               |                      |
| Malar Rajaram     | Bebas                   | 83                   |               |                      |

(Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2019)

PRK DUN Rantau pada 13 April 2019 menyaksikan pertembungan empat penjuvu antara Mohamad Bin Haji Hasan (BN), Streram Sinnasamy (PH) dengan dua orang calon Bebas iaitu Malar Rajaram dan Mohd Nor Yassin. Jadual 2 menunjukkan keputusan PRK bagi kerusi DUN Rantau. Keputusan PRK menyaksikan kemenangan Mohamad Hassan dengan jumlah undi sebanyak 10 397 berbanding Streram Sinnasamy dengan jumlah undi sebanyak 5 887. Calon Bebas iaitu Malar Rajaram dan Mohd Nor Yassin hanya memperoleh sebanyak 83 dan 79 undi masing-masing. Kemenangan Mohamad Hassan dengan undi majoriti 4 510 sekali lagi mengukuhkan kredibiliti BN di Rantau.

### **RANTAU SEBAGAI DEPOSIT TETAP BN**

Kemenangan BN dalam PRK Rantau 2019 bukanlah satu perkara yang luar biasa berikutan dengan kemenangan berterusan BN dalam PRU sebelum ini bagi kerusi DUN Rantau (Rujuk Jadual 1). Namun demikian, faktor kemenangan BN penting diteliti bagi mengenal pasti kedinamikan BN yang menjadi kelemahan PH dalam merampas kerusi DUN ini dalam pertembungan empat penjuvu dengan dua lagi calon Bebas.

Dalam hal ini, beberapa faktor dikenal pasti sebagai pemangkin kemenangan BN. Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kemenangan BN adalah kredibiliti calon yang bertanding di kerusi DUN Rantau itu sendiri. BN mengekalkan Mohamad Hassan yang merupakan Timbalan Presiden UMNO, Timbalan Pengerusi BN dan bekas Menteri Besar Negeri Sembilan (Badrul Isa, 2019; Faiz Zainudin, 2019) berbanding Streram Sinnasamy yang merupakan Penyelaras Dewan Undangan Negeri Rantau (Haika Khazi, 2019) dan juga Timbalan Ketua Cabang PKR Rembau (Izyan Liyana Mohd Darif, 2019). Pengaruh dan populariti Mohamad Hassan lebih tinggi daripada Streram Sinnasamy yang kurang dikenali. Menurut Ketua Penerangan UMNO, Shamsul Anuar Nasarah kemenangan Mohamad Hassan membuktikan bahawa penduduk Rantau menghargai pola kepimpinan dan sumbangannya kepada penduduk dan kemajuan Rantau (Afiq Mohd. Shah, 2019). Najib Razak, bekas Perdana Menteri Malaysia turut menyatakan bahawa ketokohan Mohamad Hassan sebagai faktor utama kemenangannya dalam PRK Rantau (Faiz Zainudin, 2019). Kemenangan ini adalah selaras dengan keputusan kemenangan BN dalam PRK Parlimen Permatang Pauh dan Parlimen Rompin pada tahun 2015. Dalam kedua-dua PRK ini calon lama, berpengaruh dan yang mampu memenuhi kehendak pengundi dipilih oleh pengundi (Junaidi Awang Besar, Mohd Faiz Mohd Zain, Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Muhammad Hazim Abd Ghani, 2015)

Politik personaliti yang dibawa oleh Mohamad Hassan dalam menerajui kepimpinan di DUN Rantau sebelum ini dan dalam UMNO merupakan kekuatan terbesar yang membawa sokongan berterusan kepada BN selain peralihan sokongan penyokong PH (Awang Azman Awang Pawi, 2019). Malah, Anwar Ibrahim sendiri tidak menafikan populariti dan ketokohan Mohamad Hassan lebih tinggi dengan pengalaman kerjanya selama lima belas tahun sebagai wakil rakyat berbanding pencabarnya Streram Sinnasamy yang hanya beberapa tahun bergiat aktif di kawasan Rantau (Zulkifli Manzor, 2019). Hal ini selaras dengan PRK Batu Sapi Sabah pada tahun 2010 di mana kemajuan pembangunan yang dibawa selain kesetiaan dan keyakinan yang ditunjukkan oleh pengundi kepada BN telah menangkis pengaruh populariti pihak lawan (Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon, 2012). Dalam PRK DUN Rantau

ini, situasi sebegini menyebabkan Streram Sinnasamy berhadapan dengan masalah untuk membuktikan keupayaan diri di kawasan Rantau yang merupakan kubu kuat BN. Kempen Streram yang dibantu oleh Anwar Ibrahim juga tidak membuahkan hasil.

Selain itu, sentimen Melayu-Islam yang diperjuangkan oleh BN dan disuburkan melalui kerjasama politik UMNO dan PAS (Zin Mohamad, 2019a) sejak kehilangan sokongan orang Melayu dan kekalahan BN kepada PH dalam PRU 14 terus memangkin BN untuk mengembalikan sokongan Melayu kepada BN selain menguatkan kepimpinan UMNO. Kerjasama UMNO-PAS meningkatkan sentimen perkauman dan mempengaruhi pengundi Melayu untuk menyokong BN (Mohd. Hafiz Abd. Mutalib, 2019). Sentimen Melayu-Islam merupakan peluang yang baik bagi meraih undi penyokong BN dan mengalihkan undi penyokong PH daripada bangsa Melayu. Sentimen ini juga dapat dilihat melalui kenyataan Anwar Ibrahim yang turut menyatakan bahawa pihaknya tidak terkesan dengan tindakan sesetengah orang yang menginginkan calon Melayu untuk bertanding dalam PRK di kerusi DUN Rantau (Hairulazim Mahmud, 2019; Haika Khazi, 2019). Oleh itu, perletakan Streram Sinnasamy sebagai calon mewakili PH untuk menentang Mohamad Hassan juga tidak dapat dinafikan membawa peralihan sokongan pengundi Melayu untuk menyokong BN berbanding PH.

Tambahan lagi, kemenangan BN di PRK DUN Rantau bukan sahaja terhasil daripada sokongan pengundi Melayu tetapi juga sokongan pengundi bukan Melayu. Jumlah pengundi berdaftar di DUN Rantau adalah sebanyak 55.11% pengundi Melayu, 26.06% pengundi India, 18.80% pengundi Cina dan lain-lain berjumlah 0.02% pengundi (Mohd Hisham Abdul Rafar, 2019). Peratusan ini dapat membuktikan bahawa tanpa sokongan pengundi bukan Melayu BN tidak mungkin menang dengan majoriti yang begitu besar. Pengundi India mencatatkan peratusan yang terbesar selepas pengundi Melayu. Dalam hal ini, boleh dikatakan bahawa pengundi India turut memberi sokongan yang besar kepada BN. Status Mohamad Hassan sebagai anak jati Rembau dan penglibatan sebagai wakil rakyat dan Menteri Besar Selangor dari tahun 2004 hingga 2018 telah membolehkannya memperoleh sokongan pelbagai kaum (P. R. Rajan, 2019). Hal ini bermakna faktor persamaan etnik yang menjadi asas sokongan pengundi kepada parti politik (Brown, 2005) tidak dapat diterima pakai dalam konteks PRK DUN Rantau khususnya dalam kalangan pengundi India.

Manifesto PH PRU 14 turut memberi kesan ke atas tahap keyakinan rakyat terhadap pemerintahan PH. Tidak dapat dinafikan bahawa Manifesto PH menjadi salah satu pemangkin kepada peralihan sokongan rakyat kepada PH yang akhirnya membawa kepada tumbanganya BN kepada PH. Walau bagaimanapun, PH berhadapan dengan masalah untuk menunaikan semua janji yang dikemukakan dalam manifesto tersebut setelah mengambil alih teraju kepimpinan negara. Faktor ini juga sedikit sebanyak menjejaskan sokongan rakyat kepada PH. Ketidakpuasan terhadap kegagalan kerajaan PH untuk melunaskan janji yang ditaburkan sewaktu PRU 14 juga mempengaruhi pengundi Rantau untuk mengundi parti pembangkang sebagai tanda menunjukkan kekecewaan mereka terhadap PH.

Di samping itu, pengundi muda juga turut memainkan peranan dalam mempengaruhi keputusan PRK di Rantau. Mohamad Hassan sendiri tidak menafikan peranan golongan muda dalam menyokong kemenangan BN (Sahlizah Mohamad, 2019). Dalam PRK Rantau, BN memperoleh kemenangan yang besar pada saluran pengundi muda iaitu saluran pengundi yang pernah menumbangkan BN kepada PH dalam PRU 14 yang lalu (Mujibu Abd Muis, 2019). Hal ini membuktikan kekuatan suara golongan muda dan kesedaran mereka terhadap tanggungjawab pada negara yang ditunjukkan di peti undi. Kesemua faktor ini telah memainkan peranan yang besar dalam membawa kemenangan kepada BN.

## **MEMPERHALUSI KEGAGALAN PH MERAMPAS KERUSI DUN**

Kemenangan BN dalam PRK DUN Rantau sememangnya merupakan satu ancaman besar kepada PH. Hal ini kerana jika dilihat dari segi peratusan pengundi mengikut kaum maka kerusi DUN Rantau merupakan kerusi campuran dengan penduduk pelbagai kaum. Rantau memperlihatkan komposisi kaum yang hampir seimbang antara pengundi Melayu dan bukan Melayu iaitu 53 peratus dan 47 peratus masing-masing (Faiz Zainudin, 2019). Pola pengundian jelas memperlihatkan pengundi bukan Melayu juga turut berasa kurang puas hati terhadap pentadbiran PH menyebabkan mereka menyokong calon BN (Kamarul Zaman Yusoff, 2019).

Melihat kepada trend pengundian di DUN Rantau, Anwar Ibrahim menyifatkan kekalahan PH sebagai satu pengajaran besar dan peringatan kepada jentera PH untuk memahami kekecewaan rakyat lalu memberi perhatian ke atas ketidakpuasan mereka (Nurul Riduan Nor Ashaha, 2019). Walaupun Tun Mahathir terus menyatakan bahawa kerajaan ingin melakukan pelbagai perkara seperti yang dijanjikan dalam manifesto PRU 14 tetapi kekangan kewangan yang dihadapi oleh negara menghalang usaha tersebut (Irwan Shafrizan Ismail dan Zanariah Abd Mutalib, 2019) namun kepercayaan rakyat terhadap janji-janji PH dalam manifesto PRU 14 semakin pudar. Isu ekonomi yang merupakan survival rakyat dan kos sara hidup yang tinggi gagal ditangani oleh pentadbiran PH (Haspaizi Zain, 2019) sepenuhnya tetapi penting diberi perhatian agar PH tidak ingin kecundang dalam PRK atau PRU akan datang.

Selain itu, PH gagal menyekat kemaraan dan kerjasama UMNO dan PAS melalui sentimen Melayu-Islam. Penekanan kepada isu menegakkan hak Melayu-Islam yang dipersepsikan sebagai kurang diambil berat oleh PH menyebabkan kerjasama UMNO dan PAS mengikat pengundi Melayu di luar batas parti politik masing-masing. Perjuangan atas persamaan bangsa dan agama menyatukan mereka walaupun prinsip parti adalah berbeza. Sehubungan itu, kerjasama yang dibentuk antara dua parti tersebut telah membolehkan UMNO menarik pengundi tegar PAS untuk menyokong UMNO atas perjuangan bangsa dan agama.

Ketika UMNO terus mengukuhkan kerjasamanya dengan PAS melalui sentimen Melayu-Islam, faktor kaum tidak menjadi halangan kepada pengundi bukan Melayu untuk menyokong BN. Perubahan landskap politik BN kepada politik perkauman melalui sentimen Melayu-Islam disedari oleh pengundi bukan Melayu namun sokongan kepada BN merupakan satu perkara di luar jangkaan. Jika perkara ini tidak diberi perhatian oleh PH maka kedudukan PH akan lebih terjejas dalam PRU 15 yang akan datang. Dalam PRU 15, BN mampu memberi cabaran yang lebih sengit kepada PH. Kejayaan BN ini mampu memberi kekuatan kepada usaha memperkukuh UMNO dan BN selain mengukuhkan lagi kerjasama politik dengan PAS (Kamarul Zaman Yusoff, 2019). Kejayaan BN-PAS meraih undi sokongan daripada pengundi bukan Melayu pula sudah pasti memberi tekanan kepada PH bagi memastikan rasa tidak puas hati rakyat diberi perhatian yang tinggi.

Kemenangan BN dan kekalahan PH di DUN Rantau juga menimbulkan persoalan tentang kedudukan Anwar Ibrahim dan masa hadapan politiknya (Timmy Say, 2019) selaras keinginannya untuk menjadi bakal Perdana Menteri. Peralihan sokongan pengundi kepada BN walaupun tokoh utama negara ini menguatkan kempen PRK Dun Rantau bagi membantu Streram Sinnasamy yang tidak berhasil mampu menjelaskan kegagalan Anwar Ibrahim menyakinkan penduduk Rantau untuk memberi sokongan kepada PH. Oleh itu, seperti yang dikatakan oleh penganalisis politik, Kamarul Zaman Yusoff tiba masanya untuk PH meneliti faktor kegagalan tokoh utama negara seperti Anwar Ibrahim yang membantu kempen Streram Sinnasamy dalam memberi keyakinan kepada pengundi untuk memangkah PH (Minderjeet Kaur, 2019).

Kebiasaannya ceramah umum dalam tempoh berkempen membolehkan pengundi menilai maklumat yang diperolehi tentang calon yang bertanding, kredibiliti calon melalui hujah yang disampaikan, selain keupayaan membidas parti lawan (Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon dan Siti Daud, 2015). Walau bagaimanapun, budaya politik berkempen yang berbaur serangan persepsi dan peribadi terhadap calon yang bertanding tidak mampu mempengaruhi pengundi di kala ini yang tidak mudah terpengaruh tanpa bukti kukuh. Dalam hal ini, serangan persepsi dan peribadi terhadap Mohamad Hassan dengan dakwaan tidak membawa pembangunan di Negeri Sembilan selain dakwaan berkaitan pemilikan aset hanya bertindak sebagai dakwaan tanpa bukti yang kukuh (Khairulnuar Yahaya, 2019). Kempen berupa konservatif ini tanpa pemikiran politik baharu dalam berkempen kurang memberi kesan kepada pengundi Rantau. Perkembangan teknologi dan banjir maklumat dalam media sosial menyebabkan generasi masa kini bertindak lebih teliti dalam menganalisis kelebihan dan kekurangan seseorang calon dan kredibiliti calon dalam membawa perubahan kepada pembangunan di kawasan pilihan raya. Pada masa yang sama, sikap kerajaan PH terus menyalahkan kerajaan BN dalam pelbagai perkara sejak mengambil alih tampuk kuasa pemerintahan daripada BN juga sedikit sebanyak menyebabkan rakyat berasa jemu dan kecewa dengan PH (Mujibu Abd Muis, 2019).

Kerjasama dalam kalangan parti komponen dan semangat berorganisasi penting dalam membina keyakinan rakyat terhadap jentera PH. Koordinasi yang baik dan keselarasan antara PKR, PRIBUMI, AMANAH dan DAP merupakan kekuatan PH dalam membina Malaysia Baru yang diaspirasikan. Kekurangan persefahaman dan budaya mengkritik dalam kalangan ahli politik antara parti komponen PH memberi kesan ke atas hubungan sesama parti komponen (Zin Mahmud, 2019b). Tanpa persefahaman dan sikap tolak ansur, disiplin dalam gabungan pakatan sukar dibentuk dan boleh memberi kesan ke atas rakyat. Faktor ini juga boleh menjejaskan keyakinan rakyat terhadap PH, memberi ruang kepada pembangkang untuk mengambil kesempatan dengan mempengaruhi pemikiran rakyat tentang pergolakan dalaman PH selain mampu digunakan oleh BN sebagai senjata untuk menumbangkan PH dalam PRU nanti (Zin Mahmud, 2019b). Oleh itu, perpecahan ahli politik PH menjadi umpan yang berfaedah kepada UMNO, PAS dan MIC khususnya untuk mengalih tumpuan dan sokongan pengundi kepada BN (Iskandar Hasan Tan Abdullah, 2019).

Tambahan lagi, keupayaan jentera kerajaan PH dalam memperalatkan media sosial tidak banyak memberi kesan dalam perang saraf PRK DUN Rantau. Jika dilihat pada zaman BN memerintah negara, media massa dikawal oleh kerajaan BN dan berfungsi sebagai medium penyaluran maklumat yang lebih bersifat pro-BN; yang mengetepikan suara pembangkang (Zainal Abidin, 2012; Chandra Muzaffar, 1990). Hanya sewaktu PRU 12 dan terutamanya PRU 13 pengaruh media massa khususnya media atas talian lebih menonjol dalam menyalurkan maklumat yang ditapis oleh media arus perdana (Suresh Kumar, 2014). Menjelang PRU 14 pula, media atas talian lebih terserlah sebagai wadah penyaluran maklumat berkaitan PH dan BN. Dalam pada itu, kebebasan bersuara pula sangat diutamakan oleh PH bagi menghalang penyaluran maklumat bersifat sehalu iaitu pro-BN. Kebebasan yang diperjuangkan ini juga telah membolehkan minda penyokong disajikan dengan pelbagai maklumat tentang aspirasi PH selain kelemahan parti lawannya. Namun demikian, kini kebebasan bersuara yang digunakan secara luas sebelum ini menjadi cabaran besar kepada jentera pentadbiran PH sendiri (Haspaizi Zain, 2019). Hal ini kerana kebebasan yang sama dimanfaatkan oleh BN dan penyokongnya untuk melumpuhkan PH melalui penyaluran maklumat bersifat anti-PH.

## KESIMPULAN

Kemenangan BN di PRK DUN Rantau memberi pengajaran yang besar kepada PH untuk menilai kelemahan jentera PH dalam memenuhi aspirasi rakyat dan menangani kekecewaan mereka. Isyarat ketidakpuasan rakyat terhadap tampuk kuasa pemerintahan PH perlu diteliti jika PH tidak menginginkan peralihan sokongan yang lebih besar kepada BN. PH juga memerlukan satu pelan tindakan yang komprehensif untuk memantapkan kerjasama dalam parti komponen, menyelesaikan masalah rakyat dan meyakinkan rakyat dengan menunaikan janji-janji dalam Manifesto PRU 14. Perancangan ini amat perlu jika PH tidak mahu kelemahan ini dimanfaatkan oleh pihak lawan dengan harapan untuk menumpaskan PH dan kembali ke tampuk kuasa pemerintahan negara dalam PRU 15 nanti.

## RUJUKAN

- Afiq Mohd. Shah. (2019). Kemenangan BN adalah kemenangan rakyat. *Utusan Online*. <http://www.utusan.com.my/berita/politik/kemenangan-bn-adalah-kemenangan-rakyat-1.882086> (Diakses 9 Mei 2019)
- Awang Azman Awang Pawi. (2019). Analisis Kemenangan PRK Rantau. <https://sarawakvoice.com/2019/04/14/analisis-kemenangan-prk-rantau/> (Diakses 10 Mei 2019).
- Badrul Isa. (2019). BN Negeri Sembilan dahulu tidak pernah abai pembangunan Parlimen, DUN pembangkang. *Utusan Online*. <http://www.utusan.com.my/berita/politik/bn-negeri-sembilan-dahulu-tidak-pernah-abai-pembangunan-parlimen-dun-pembangkang-1.878417> (Diakses 10 Mei 2019).
- Brown, G.K. (2005). Playing the (non) ethnic card: The electoral system and the ethnic voting patterns in Malaysia. *Ethnopolitics*, 4(4), 429-445.
- Chandra Muzaffar. (1990). *Challenges and choices in Malaysian politics and society*. Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN).
- Faiz Zainudin. (2019). Kemenangan PRK Rantau referendum pengundi muda, Tok Mat beritahu PH. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/04/13/kemenangan-prk-rantau-referendum-pengundi-muda-tok-mat-beritahu-ph/> (Diakses 10 Mei 2019).
- Haika Khazi. (2019). Dr Streram calon PH di PRK DUN Rantau. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2019/03/539765/dr-streram-calon-ph-di-prk-dun-rantau> (Diakses 10 Mei 2019).
- Hairulazim Mahmud. (2019). PRK Rantau: Streram sah calon PH. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/432482/prk-rantau-streram-sah-calon-ph> (Diakses 10 Mei 2019).
- Haspaizi Zain. (2019). PH kalah di Rantau sebab tak faham kerisauan rakyat. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/472406> (Diakses 17 Mei 2019).
- Irwan Shafrizan Ismail dan Zanariah Abd Mutalib. (2019). Susulan PRK Rantau: Kerajaan tak berubah walaupun PH kalah. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2019/04/553612/susulan-prk-rantau-kerajaan-tak-berubah-walaupun-ph-kalah> (Diakses 17 Mei 2019).
- Iskandar Hasan Tan Abdullah. (2019). Kelebihan pengundi India di Rantau. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/22322/KOLUMNIS/Kelebihan-pengundi-India-di-Rantau> (Diakses 17 Mei 2019).
- Izyan Liyana Mohd Darif. (2019). PRK DUN Rantau: Dr S Streram wakil calon PH. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/17480/PRU/PRK-Rantau/PRK-DUN-Rantau-Dr-S-Streram-wakil-calon-PH> (Diakses 17 Mei 2019).
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain, Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Rizal Mohd Yusof dan Muhammad Hazim Abd Ghani. (2015). Calon lama vs calon muda dalam Pilihan Raya Kecil



- kawasan Parlimen Rompin dan Parlimen Permatang Pauh 2015. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan Kali ke-2*, The Royale Bintang Resort and Spa, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia. Faculty Sains, Teknologi and Pembangunan Insan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor. 19-20 Oktober 2015.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali dan Novel Lyndon. (2012). Pengaruh populariti calon, sentimen nasional dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) P185 Batu Sapi, Sabah. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 8(8), 23-34.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon dan Siti Daud. (2015). Kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) dan persepsi pengundi terhadap dasar kerajaan: Kajian kes Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 11(8), 78-89.
- Kamarul Zaman Yusoff. (2019). Makna kekalahan PH di Rantau. *Harakah Daily*. <https://www.harakahdaily.net/index.php/berita/15-tanah-air/10623-makna-kekalahan-ph-di-rantau> (Diakses 17 Mei 2019).
- Khairil Ashraf. (2018). Dilarang masuk pusat penamaan, calon PH akan buat laporan polis. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/04/28/dilarang-masuk-pusat-penamaan-calon-ph-akan-buat-laporan-polis/> (Diakses 6 Mei 2019).
- Khairulnuar Yahaya. (2019). Mampukan serangan persepsi, peribadi tumbangkan Tok Mat di Rantau? *Utusan Online*. <http://www.utusan.com.my/berita/politik/mampukan-serangan-persepsi-peribadi-tumbangkan-tok-mat-di-rantau-1.879734> (Diakses 17 Mei 2019).
- Minderjeet Kaur. (2019). Kekalahan di Rantau jadikan Anwar bermasalah, kata penganalisis. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/04/14/kekalahan-di-rantau-menjadikan-anwar-bermasalah-kata-penganalisis/> (Diakses 17 Mei 2019).
- Mohamad Hassam mula bertanding di kerusi Rantau pada tahun 2004 dalam PRU 11 (Hafiz Yatim, 2018) Mat Hasan hilang kerusi Rantau, mahkamah arahkan PRK. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/452134> (Diakses 6 Mei 2019).
- Mohd Anwar Patho Rohman; Tuty Haryanti Ahmad Rodzi & Luqman Ariff Abdul Karim. (2019). PRK DUN Rantau pertandingan empat penjur. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/546965/prk-dun-rantau-pertandingan-empat-penjur> (Diakses 6 Mei 2019).
- Mohd Hisham Abdul Rafar. (2019). PRK Rantau: peluang kedua Streram bukti keupayaan diri. *Bernama.com*. <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1708415> (Diakses 10 Mei 2019).
- Mohd. Hafiz Abd. Mutalib. (2019). PRK Rantau: Isyarat kepada PH, menangi semula hati orang muda. *Utusan Online*. <http://www.utusan.com.my/berita/politik/prk-rantau-isyarat-kepada-ph-menangi-semula-hati-orang-muda-1.882274> (Diakses 17 Mei 2019).
- Mujibu Abd Muis. (2019). Corat-coret PRK Rantau. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/24001/KOLUMNIS/Corat-coret-PRK-Rantau> (Diakses 17 Mei 2019).
- Nurul Riduan Nor Ashaha. (2019). PH akan bangkit selepas kekalahan di Rantau, kata Anwar Ibrahim. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/23371/PRU/PRK-Rantau/PH-akan-bangkit-selepas-kekalahan-di-Rantau-kata-Anwar-Ibrahim> (Diakses 17 Mei 2019).
- P. R. Rajan. (2019). Urimaiyode keetup perunggal, vetri kodiyeip parakke vidunggal (dlm. Tamil). Peroleh hak melalui pertanyaan, kibarkan bendera kejayaan. *Makkal Osai*, 17 Mac 2019.
- Rahumah Abdullah. (2018). 'Calon tak jadi' PKR dakwa tidak diberi pas SPR. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-politik/calon-tak-jadi-pkr-dakwa-tidak-diberi-pas-spr-174110> (Diakses 6 Mei 2019).
- Raja Noraina Raja Rahim. (2018). Dr Streram fail petisyen. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/05/429364/dr-streram-fail-petisyen> (Diakses 6 Mei 2019).
- Sahlizah Mohamad. (2019). Kemenangan BN dibantu undi majoriti golongan muda. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-politik/kemenangan-bn-dibantu-undi-majoriti-orang-muda-204495> (Diakses 17 Mei 2019).

- Sahlizah Mohamad. (2019). Kemenangan BN dibantu undi majoriti orang muda. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-politik/kemenangan-bn-dibantu-undi-majoriti-orang-muda-204495> (Diakses 10 Mei 2019).
- Shuhada Abdul Kadir. (2018). Kemenangan Mohamad Hasan di DUN Rantau dibatalkan - Mahkamah Khas Pilihan Raya. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kemenangan-mohamad-hasan-di-dun-rantau-dibatalkan-mahkamah-khas-pilihan-raya-191277> (Diakses 6 Mei 2019).
- Suresh Kumar N Vellymalay. (2014). Aliran mengundi kaum India dalam Pilihan Raya Umum 2013: Suatu analisis. *Kajian Malaysia*, 32(2), 55–88.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2004 Keputusan Pilihan Raya 11. <http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihanraya> (Diakses 8 April 2019).
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2008 Keputusan Pilihan Raya Umum 12. <http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihanraya> (Diakses 8 April 2019).
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2013 Keputusan Pilihan Raya Umum 13. <http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihanraya> (Diakses 8 April 2019).
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2018 Keputusan Pilihan Raya Umum 14. <http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihanraya> (Diakses 8 April 2019).
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2019 Keputusan Pilihan Raya Kecil Rantau. <http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihanraya> (Diakses 6 Mei 2019).
- Zainal Abidin Ahmad. (2012). PRU 13, UMNO tumpas? Petaling Jaya: Gerakbudaya Enterprise.
- Zin Mahmud. (2019a). Kesan Berpanjangan PRK Cameron Highlands. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2019/01/28/kesan-berpanjangan-prk-cameron-highlands/> (Diakses 10 Mei 2019).
- Zin Mahmud. (2019b). Demi PH, PKR-PPBM wajar perkukuh hubungan. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2019/03/26/demi-ph-pkr-ppbm-wajar-perkukuh-hubungan/> (Diakses 17 Mei 2019).
- Zulkifli Manzor. (2019). PRK Rantau: Anwar akui Streram mungkin kurang dikenali. *Kosmo Online*. <http://www.kosmo.com.my/terkini/prk-rantau-anwar-akui-streram-mungkin-kurang-dikenali-1.875353> (Diakses 10 Mei 2019).

## MAKLUMAT PENULIS

### **SURESH KUMAR N VELLYMALAY**

Bahagian Antropologi dan Sosiologi,  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,  
Universiti Sains Malaysia.  
[suresh@usm.my](mailto:suresh@usm.my)